

Pengaruh Islam Dalam Sejarah Penggubalan *Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*

Oleh:
Bharuddin Che Pa *

Abstract

This article explains the history of the promulgation of The Constitution of The State of Johore 1895 and how Islamic elements have influenced the Constitution. There are some evidences that show how the contents of the Constitution have been influenced by Islamic religious texts from Riau Sumatera. This article will elaborate based on some parts of the text of the said Constitution which are congruent with Islamic principles. Among the aspects which shall be spelt out in detail include some of the legal provisions regarding the Johor State Executive Council, the criteria for the appointment of the Sultan of Johor, the appointment of cabinet ministers, leaders in general etc.

* Bharuddin Che Pa, Ph.D adalah pensyarah dan Ketua Jabatan Siasah Syar'iiyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Pendahuluan

Latar belakang sejarah penggubalan sesebuah perlembagaan amat perlu dikaji sebelum kajian lanjut mengenai perlembagaan tersebut dilakukan. Biasanya sesebuah perlembagaan yang digubal diambil dari undang-undang atau perlembagaan yang terdapat sebelumnya. Contohnya Perlembagaan Persekutuan yang ada di Malaysia sekarang digubal oleh suruhannya Reid pada tahun 1957 berasaskan isi Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.¹ Perlembagaan Negeri Terengganu 1911² pula digubal berpandukan Perlembagaan Negeri Johor 1895 yang lebih dikenali sebagai *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*³ (selepas ini akan disebut dengan nama ringkas *UTKJ*). Setelah diteliti didapati penggubalan *UTKJ* pula telah banyak terpengaruh dengan unsur-unsur Syari'ah Islam yang terdapat di dalam buku-buku fiqh dari Riau, terutamanya buku-buku karangan Raja Ali Haji.⁴

Artikel ini akan menjelaskan tentang sejarah penggubalan *UTKJ* dan bagaimanakah unsur-unsur Islam telah mempengaruhi penggubalan undang-undang tersebut. Penulis akan menjelaskan beberapa bukti yang menunjukkan *UTKJ* telah terpengaruh dengan hukum-hukum fiqh yang dihuraikan dalam kitab *al-Thamarah al-Muhimmah* karangan Raja Ali

¹ Lihat Federation of Malaya, Government Gazette, *The Federation of Malaya Agreement 1948*, Kuala Lumpur: Printed At The Government Press, 1st February 1949. Dalam bahasa Melayu perjanjian tersebut diistilahkan sebagai "*Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948*". Teks asal perjanjian tersebut telah ditulis dalam dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Teks asal perjanjian tersebut juga ditulis dalam bahasa Melayu menggunakan tulisan jawi. Teks jawi ada tersimpan dalam Arkib Negara Malaysia sehingga hari ini.

² Kerajaan Negeri Terengganu (1973), *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu 1911*, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan. Ia diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris sebagai "*Laws of the Constitution of Trengganu*". Dalam bahasa Arab pula ia dinamakan sebagai, "*Itqān al-Mulūk bi Ta'dīl al-Sulūk*". Terjemahan tersebut ada tertulis pada halaman kulit perlembagaan berkenaan.

³ Kerajaan Negeri Johor, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*, Johor Bharu: Istana Besar, 24 Rabi' al-Awwal 1313H. bersamaan dengan 14 September 1895.

⁴ Ahmad Fawzi Mohd. Basri, Dr. (1997), *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor Tahun 1895: Suatu Pemerhatian Terhadap Aspek Ketatanegaraan Dan Persuratan* (Kertas kerja Seminar Warisan Persuratan Johor II 1997, Johor Bahru: Kerajaan Negeri Johor, 31 Oktober hingga 2 November 1997), h. 1.

Haji dari Riau. Huraian juga akan dibuat terhadap beberapa petikan teks undang-undang tersebut yang selaras dengan hukum Islam. Ini termasuklah beberapa peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor, soal kelayakan dan pelantikan raja Johor, pelantikan Jemaah Menteri, menteri-menteri, para pemimpin dan lain-lain.

Sejarah Penggubalan *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*

UTKJ yang dimasyhurkan dalam tahun 1895 merupakan sebuah perlembagaan bertulis yang pertama yang digubal di negeri Johor dan diakui sebagai perlembagaan bertulis yang pertama di Tanah Melayu. Kenyataan ini disokong oleh Abdul Majeed Mohamed Mackeen yang berpendapat undang-undang tersebut adalah sebuah perlembagaan bertulis yang paling awal di Malaysia.⁵ Pendapat tersebut disokong pula oleh al-Marḥūm Professor Ahmad Ibrahim yang juga berpendapat sedemikian, kerana sebelumnya tidak ada mana-mana negeri pun di Tanah Melayu yang memiliki perlembagaan bertulis secara rasmi seperti itu.⁶ *UTKJ* dapat digolongkan sebagai sebuah perlembagaan yang bercirikan Islam. Unsur-unsur penting sebuah pemerintahan Islam seperti Islam sebagai agama negeri, kedaulatan syari'ah dan hukum Islam, keadilan sosial, pengamalan syūrā dan hak asasi manusia adalah merupakan unsur-unsur Islam yang terdapat di dalam perlembagaan ini.

Mengikut catatan, *UTKJ* telah digubal di Istana Besar Johor Bahru (istana Sultan Abu Bakar) pada 18 hb. Syawwal tahun 1312H bersamaan dengan 14 hb. April 1895, iaitu setelah tiga puluh empat tahun Sultan Abu Bakar memerintah negeri Johor.⁷ Teks asal undang-undang tersebut

⁵ Abdul Majid Mohamed Mackeen (1969), *Contemporary Islamic Legal Organization In Malaya*, Connecticut: Yale University Southeast Asia Studies, Monograph Series No. 13, h. 27.

⁶ Ahmad Ibrahim (1979), *The Position Of Islam In the Constitution Of Malaysia*; Tun Mohamed Suffian, H.P.Lee dan F.A.Trindade, *The Constitution Of Malaysia, Its Development: 1957-1977*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 41.

⁷ Catatan tersebut terdapat pada bahagian akhir *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

telah ditulis dalam bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan jawi dicetak oleh syarikat peguam di Singapura yang bernama "*Messrs Rodyk and Davidson*".⁸ Selepas lima bulan ianya digubal, barulah undang-undang tersebut telah diisytiharkan secara rasmi (diwartakan). Undang-undang itu telah ditandatangani dan diisytiharkan secara rasminya oleh Sultan Abu Bakar pada 14 hb. September, tahun 1895M. bersamaan 24 hb. Rabi' al-Awwal tahun 1313 Hijrah di Istana Besar Johor Bahru.⁹ Perlembagaan ini telah di anggap sebagai satu anugerah Sultan Abu Bakar kepada negeri Johor.¹⁰

Mengikut catatan yang terdapat pada *UTKJ* nama-nama ahli jawatankuasa yang terlibat menggubal undang-undang tersebut ialah Sultan Abu Bakar, Ungku Muhammad Khalid ibni al-Marhūm Temenggung Ibrahim (Engku Dato' Kerabat), Tengku Mahkota Ibrahim (Tengku Mahkota dan Dato' Kerabat), Engku Sulaiman (Engku dan Dato' Kerabat), Dato' Ja'far bin Haji Muhammad (Dato' Menteri Johor), Dato' Haji Muhammad Saleh (Dato' dan Hakim), Dato' Syed Salim bin Ahmad al-Attas (Dato' dan Mufti), Dato' Muhammad Ibrahim bin Haji Abdullah Munsyi (Dato' Bentara Dalam), Dato' Muhammad Salleh bin Perang (Dato' Bentara Luar), Dato' Ja'far bin Nong Yahya (Dato' Penggawa Timur), Dato' Abdul Samad bin Ibrahim (Dato' Penggawa Barat), Dato' Muhammad Yahya bin Awaluddin, Dato' Haji Abdul Rahman (Dato' dan Qadi), Dato' Abdullah bin Tahir (Dato' Sri Setia Raja), Dato' Yahya bin Sya'ban, Dato' Andak, Dato' Muhammad bin Mahbub dan Dato' Abdul Rahman bin Andak (Dato' Sri Amar Diraja).¹¹ Bagi membuktikan mereka bersetuju dengan penggubalan perlembagaan berkenaan, mereka telah menurunkan tandatangan masing-masing sebagai sokongan.

⁸ Abd. Jalil Haji Borhan (1992), "Sejarah Perlaksanaan Undang-undang Islam di Negeri Johor : Rujukan Khusus Kepada Kerajaan Johor Moden", (Disertasi Sarjana Syariah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur), h. 156.

⁹ Tarikh tersebut juga tercatat di penghujung *UTKJ*. Lihat *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*, h. 28.

¹⁰ Ahmad Fawzi Mohd. Basri, Dr. (1997), *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor Tahun 1895: Suatu Pemerhatian Terhadap Aspek Ketatanegaraan Dan Persuratan*, h. 1.

¹¹ Senarai nama-nama tersebut tercatat dalam *UTKJ*. Lihat *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 op. cit.*, hh. 26-28.

UTKJ yang telah dibukukan itu telah digubal dengan sebaik-baiknya berdasarkan pertimbangan dan dan keperluan semasa pada masa itu. Ianya menjadi tauladan dan panduan kepada pemerintahan kerajaan Johor. Dalam *muqaddimah* (pembukaan) undang-undang tersebut juga dijelaskan bahawa UTKJ hendaklah diperluaskan penggunaannya di negeri Johor, segala jajahan dan dan segala daerah takluknya. Ini selaras dengan seruan Sultan Abu Bakar sultan Johor pada masa itu:

...kita dan lain-lain orang-orang besar dan ketua-ketua negeri telah menimbang memikir dan mengatakan patut harus serta munasabah dengan masa dan zaman ini akan kita dengan nama dan bagi dan kerana pihak diri kita dan bagi dan kerana pihak warith-warith ganti-ganti kita raja-raja yang memerintah atau sultan-sultan Johor membuat, menjadi, mengada dan mendirikan dan mengurnia, memberi, menganugerah dan meghadiahkan kepada dan bagi dan kerana penggunaan kerajaan rakyat dan isi negeri kita suatu undang-undang dan peraturan bagi memerintah dan mentadbirkan kerajaan yang dinamakan dia "Undang-undang Tubuh Kerajaan" yaitu yang akan berkekalan dan berpanjangan turun temurun menjadi dan bersifat undang-undang bagi kerajaan negeri dan rakyat kita menjadi suatu pesaka yang tiada boleh diubah, dipinda, ditukar, diorak, dipecah atau dengan sebarang jalan atau rupa perbuatan, dibuka semula, atau dibinasakan adanya.¹²

Petikan di atas membuktikan bahawa antara hasrat kerajaan pada masa itu ialah agar undang-undang tersebut diamalkan secara berkekalan dan berpanjangan turun temurun dalam bentuk undang-undang kerajaan dan rakyat Johor dan juga akan menjadi suatu pusaka yang tidak boleh diubah, dipinda, ditukar, diorak (dinafikan), dipecah, atau dengan sebarang jalan atau rupa perbuatan dibuka semula atau dibinasakan.¹³

¹² "Seru Buka" oleh Sultan Abu Bakar. Lihat *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*, op. cit., h 2.

¹³ *Ibid.*

Pengaruh Kitab *al-Thamarah al-Muhimmah* Karangan Raja Ali Haji Terhadap Penggubalan UTKJ

Teks UTKJ didapati telah banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur Syari'at Islam yang terdapat di dalam kitab-kitab fiqh. Kandungan undang-undang tersebut banyak merujuk kepada kitab-kitab Riau, terutamanya kitab-kitab karangan Raja Ali Haji.¹⁴ Setelah diteliti secara mendalam UTKJ mempunyai banyak persamaan dengan isi kitab *al-Thamarah al-Muhimmah Diyāfatan Li al-Umarā' Wa al-Kubarā' Li Ahl al-Mahkamah*, iaitu sebuah buku undang-undang yang ditulis oleh Raja Ali Haji bin Raja Ahmad yang dicetak oleh Pejabat Kerajaan Lingga pada tahun 1304H. / 1886M.¹⁵

Terdapat banyak persamaan di antara kedua-dua teks undang-undang tersebut. Misalnya fasal pertama dalam bab pertama buku *al-Thamarah al-Muhimmah* menjelaskan bahawa hukum melantik Raja adalah *fard kifāyah*.¹⁶ Kemudian dijelaskan kaedah melantik raja dan syarat-syarat yang perlu ada pada seseorang raja. Dijelaskan bahawa seseorang raja mestilah seorang yang berpegang teguh dengan ajaran Islam, mukallaf, merdeka, bersifat adil, mampu berijtihad dengan baik, boleh berbicara dengan baik, mempunyai pendengaran yang baik, penglihatan yang baik, bersifat berani, rajin dan pantas bergerak.¹⁷ Dalam Fasal yang kedua kitab *al-Thamarah al-Muhimmah* pula terdapat ulasan yang menjelaskan bahawa raja adalah khalifah Allah di muka bumi ini.¹⁸ Dalam ulasan tersebut dinyatakan tentang kepentingan serta keperluan perlantikan raja dalam sesebuah negeri.¹⁹ Ulasan tersebut sesuai dengan tuntutan syari'ah Islam yang sebenar.

¹⁴ Abd. Jalil Haji Borhan, *op. cit.*, h. 156.

¹⁵ Karya tersebut ditulis bagi mengenangkan kematian Yang Dipertuan Muda Ali (m. 1857 M.) dan secara khusus ianya ditujukan kepada istana Lingga-Riau. Lihat Drs. Mahdini, M.A. (1997), *Konsep Negara Dalam Tsamarat al-Muhimma*; Lihat Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor Tahun 1895, *op. cit.*, h. 2.

¹⁶ Raja Ali Haji bin Raja Ahmad (1886), *al-Thamarah al-Muhimmah Diyāfatan Li al-Umarā' Wa al-Kubarā' Li Ahl al-Mahkamah*, Lingga: Pejabat Kerajaan Lingga, h. 7.

¹⁷ *Ibid.*, h. 8.

¹⁸ *Ibid.*, h. 9.

¹⁹ *Ibid.*, h. 9-10.

Isi kitab *al-Thamarah al-Muhimmah* telah banyak mempengaruhi peruntukan fasal kedua sehingga fasal kedua puluh tujuh *UTKJ*. Fasal-fasal tersebut memperuntukkan beberapa perkara yang berkaitan dengan diri Raja dan kerajaan. Ia termasuklah kaedah memilih raja serta syarat-syarat yang mesti ada pada seorang raja. Misalnya *UTKJ* mensyaratkan raja bagi negeri Johor mestilah seorang Melayu yang beragama Islam.²⁰ Fasal kelima *UTKJ* secara jelas memperuntukkan sekiranya *ahl al-Hal Wa al-'aqd* ingin memilih seseorang menjadi raja, sifat-sifat yang mesti ada pada orang yang dipilih itu ialah seorang laki-laki yang cukup umur, sempurna akal, dari kalangan bangsa Melayu Johor, beragama Islam, merdeka, baik, mempunyai ilmu pengetahuan serta boleh membaca dan menulis.²¹ Peruntukan ini banyak persamaannya dengan peruntukan yang terdapat di dalam kitab *al-Thamarah al-Muhimmah* sebagaimana yang dijelaskan di atas dan sesuai dengan tuntutan Islam.

Kitab *al-Thamarah al-Muhimmah* juga menjelaskan beberapa peraturan yang berkaitan dengan diri seseorang raja. Raja tidak dianggap bebas bahkan tetap terikat dengan undang-undang yang diperuntukkan. Misalnya fasal keempat dalam buku *al-Thamarah al-Muhimmah* menegaskan atas sebab-sebab tertentu seseorang raja itu boleh diturunkan dari jawatannya.²² Di antara sebab-sebab yang menjadikan seseorang raja itu boleh diturunkan dari jawatannya ialah seperti *kufur*, iaitu keluar dari agama Islam,²³ bersifat lemah sehingga tidak mampu memerintah, ditawan oleh musuh, gila, buta, tuli dan bisu.²⁴ Jika raja ada mempunyai sifat-sifat tersebut baginda hendaklah diberhentikan daripada menjadi raja dan diganti dengan orang lain yang patut menggantikannya.²⁵

Sebelum wujudnya *UTKJ* kedudukan raja di Tanah Melayu adalah berbentuk "*Raja Mutlak*". Tidak ada sebarang undang-undang bertulis yang dikaitkan dengan diri raja. Sebaliknya selepas penggubalan *UTKJ* didapati undang-undang tersebut telah memperuntukkan beberapa peraturan yang berkaitan dengan diri raja. Fasal sebelas dan dua belas *UTKJ* misalnya

²⁰ Fasal 2, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

²¹ Fasal 5, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

²² Raja Ali Haji bin Raja Ahmad, *al-Thamarah al-Muhimmah*, h. 15.

²³ *Ibid.*, h. 15-16.

²⁴ *Ibid.*, h. 16.

²⁵ *Ibid.*

memperuntukkan beberapa peraturan bagi raja yang ingin meninggalkan negerinya.²⁶ Contohnya raja dilarang meninggalkan negerinya terlalu lama tanpa alasan dan sebab-sebab yang munasabah.²⁷ Contoh lain ialah fasal kelima belas *UTKJ* telah memperuntukkan peraturan bahawa raja-raja dilarang sama sekali menyerahkan negerinya kepada kerajaan lain.²⁸ Fasal ketujuh belas pula memperuntukkan bahawa raja dicadangkan supaya meletak jawatan sekiranya baginda uzur atau tidak dapat memerintah dengan baik.²⁹ Fasal 18 *UTKJ* juga memperuntukkan beberapa peraturan bagi raja yang ingin atau terpaksa melepaskan jawatannya. Baginda raja dikehendaki menulis surat perletakkan jawatan yang ditandatangani oleh baginda sendiri dan disertai oleh tandatangan tiga orang menteri kerajaan yang lain sebagai saksi.³⁰ Oleh itu penggubalan *UTKJ* telah menukarkan status Raja negeri Johor dari “*Raja Mutlak*” kepada sistem “*Raja Berpelembagaan*”.

Fasal ketiga buku *al-Thamarah al-Muhimmah* pula menjelaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan perlantikan wazir-wazir atau menteri-menteri.³¹ Dijelaskan makna Wazir atau menteri dan syarat-syaratnya iaitu mestilah seorang Islam, mukallaf, lelaki, merdeka, mampu berjihad, pandai mentadbir, amanah, benar, mempunyai marwah, beradab, bersopan, berilmu dengan ilmu-ilmu yang diperlukan, melakukan kerja-kerja yang baik dan tidak suka melakukan perkara-perkara yang buruk dan amalan yang keji.³² Seterusnya pada bahagian kedua fasal keempat kitab *al-Thamarah al-Muhimmah* dinyatakan beberapa sebab seseorang menteri itu patut dipecat.³³ Misalnya seseorang menteri itu patut dipecat sekiranya beliau tidak setia kepada rajanya, berlaku khianat kepada rajanya, bersikap zalim kepada rakyat, hilang maruah diri, bekerjasama dengan musuh dan lain-lain.³⁴

²⁶ Fasal 11 dan 12, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

²⁷ *Ibid.*

²⁸ Fasal 15, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

²⁹ Fasal 17, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

³⁰ Fasal 18, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

³¹ Raja Ali Haji bin Raja Ahmad, *al-Thamarah al-Muhimmah*, h. 11.

³² *Ibid.*

³³ *Ibid.*, h. 17-18.

³⁴ *Ibid.*, h. 18-19.

Peruntukan di atas banyak mempengaruhi *UTKJ* pada fasal yang kedua puluh lapan hingga fasal keempat puluh empat. Fasal-fasal tersebut telah menjelaskan definisi menteri,³⁵ jumlah bilangan menteri yang seharusnya dilantik di negeri Johor³⁶ dan semua menteri mestilah berbangsa Melayu dan beragama Islam.³⁷ Selain itu ia juga mengandungi beberapa peruntukan yang berkaitan dengan Jemaah Menteri³⁸ perlantikan Menteri Besar, Naib Menteri Besar³⁹ dan lain-lain. Seterusnya fasal keempat puluh *UTKJ* memperuntukkan kuasa khas bagi raja untuk memecat seseorang menteri. Seseorang menteri boleh dipecat jika dia melakukan sesuatu kesalahan yang besar seperti derhaka kepada raja, membunuh orang, bersyubhat untuk membunuh orang, merompak, menyamun, rasuah dan pelbagai perbuatan yang dianggap jahat pada hukum Allah dan hukum negeri.⁴⁰

Berasaskan kepada semua penjelasan di atas dapatlah disimpulkan bahawa penggubalan perlembagaan Negeri Johor 1895 itu dibuat berasaskan undang-undang Islam terutamanya dari kitab *al-Thamarah al-Muhimmah* karangan Raja Ali Haji. Mengikut pandangan al-Marhūm Professor Ahmad Ibrahim, jika diteliti secara terperinci isi perlembagaan tersebut bukanlah bertujuan untuk mendirikan sebuah kerajaan yang bercorak demokratik ala barat di negeri Johor. Sebaliknya ia bermatlamat untuk mendirikan sebuah kerajaan Islam berasaskan undang-undang dan struktur politik negeri Johor yang ada pada masa itu.⁴¹

Pengaruh Islam Dalam Peruntukan Undang-undang

Kajian mendapati nilai-nilai Islam sangat banyak mempengaruhi penggubalan *UTKJ*. Buktinya pada awal teks undang-undang tersebut terdapat seruan pembukaan (mukaddimah) yang dibuat oleh Baginda Sultan Abu Bakar. Dalam mukaddimah tersebut Sultan Abu Bakar telah menggelarkan dirinya sebagai, *al-Wāthiq bilLāh* yang memberi maksud

³⁵ Fasal 28, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

³⁶ Fasal 29, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

³⁷ Fasal 30, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

³⁸ Fasal 32 dan 33, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

³⁹ Fasal 34 dan 35, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

⁴⁰ Fasal 40, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

⁴¹ Ahmad Ibrahim (1979), *The Position Of Islam In the Constitution Of Malaysia*, h. 41.

orang yang percaya kepada Allah.⁴² Ini membuktikan bahawa raja pada masa itu telah memberikan suatu pengakuan kepada rakyat bahawa baginda adalah seorang yang kuat berpegang kepada ajaran agama Islam dan yakin sepenuhnya kepada Allah s.w.t. Perkara ini dibuktikan juga melalui beberapa ungkapan yang lain seperti ungkapan rasmi yang digunakan dalam urusan rasmi kerajaan "*Kepada Allah berserah*" dan begitu juga ungkapan yang digunakan di kalangan kerabat raja iaitu "*muafakat itu berkat*".⁴³

Selaras dengan ini juga *UTKJ* mengakui bahawa agama rasmi bagi negeri dan kerajaan Johor ialah agama Islam. Kedudukan Islam sebagai agama rasmi negeri hendaklah berkekalan dan berterusan untuk selamanya. Mana-mana agama lain boleh diamalkan dengan bebas di negeri Johor tetapi agama lain itu tidak boleh diisytiharkan sebagai agama rasmi negeri. Dengan itu agama Islam adalah dianggap sebagai agama negeri yang berkekalan di negeri Johor. Fasal 57 *UTKJ* menjelaskan:

*Adalah yang dikatakan "Ugama negeri bagi jajahan dan kerajaan Johor ini yaitu agama Islam. Maka yang demikian hendaklah agama Islam itu berpanjangan dan berkekalan selamanya menjadi dan diaku dan disebut "agama negeri" yakni tiadalah sekali-kali boleh sebarang ugama lain dijadikan atau disebut ugama negeri sungguhpun segala ugama lain ada dibenarkan dan sentiasa termaklum patut dibenarkan dengan aman dan sempurna boleh diperugamakan dalam segala dan segenap daerah takluk kerajaan Johor oleh orang-orang yang berugamakan dia."*⁴⁴

Antara pengaruh Islam yang lain ialah, tanggapan hukum yang diberikan terhadap pelanggar undang-undang tersebut yang di kaitkan dengan hukum Islam seperti dayus, derhaka, haram dan berdosa. Istilah-

⁴² Al-Marbawī, Muḥammad Idrīs 'Abd al-Raūf (t.t), *Qāmūs Idrīs al-Marbawī*, c. 4, Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī Wa Awlāduh, h. 379.

⁴³ Fasal 61, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

⁴⁴ Fasal 57, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

istilah yang hanya biasa digunakan dalam buku-buku fiqh telah digunakan dalam teks undang-undang tersebut. Buktinya titah Baginda Sultan Johor dicatatkan dalam UTKJ:

“Sekarang pun ketahui oleh mu sekelian rakyat kerajaan kita daripada sekelian pangkat bangsa dan agama dan ketahui jua sekelian yang berkenaan dengan negeri jajahan dan tanah air kita bahawa sesungguhnya kita buat dan jadikan barang-barang yang tersebut dibawah ini undang-undang yang benar, betul, teguh, tentu dan tetap bagi negeri dan kerajaan kita iaitu haram, jayus, derhaka dan berdosa bagi sesiapa orang yang enggan daripadanya dan yang mengengkarkan dia”.⁴⁵

UTKJ memperuntukkan bahawa semua undang-undang yang terdapat di negeri Johor hendaklah dilaksanakan dengan adil oleh semua mahkamah, kakitangan dan pegawai-pegawai kerajaan. Begitu juga undang-undang tersebut hendaklah dilaksanakan ke atas semua orang, kepada seluruh penduduk asal di negeri Johor dan orang-orang asing yang berada di negeri itu. Kedudukan mereka semua adalah sama di sisi undang-undang, tidak kira samada mereka beragama Islam atau bukan beragama Islam. Tidak kira samada yang berada di negeri Johor itu merupakan rakyat negeri Johor atau bukan rakyat negeri Johor. Ini membuktikan bahawa *UTKJ* mementingkan prinsip keadilan dan prinsip persamaan yang selaras dengan roh perundangan Islam. Peruntukan tersebut menjelaskan:

⁴⁵ Lihat titah ucapan Baginda Sultan yang dimasukkan dalam mukadimah *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*, hh. 2-3.

Hendaklah segala undang-undang dan adat-adat negeri dijalankan dan diperlakukan dengan adil dan benar oleh segala mahkamah kerajaan dan pegawai-pegawai dan kaki tangan kerajaan di antara sekalian isi negeri dan yang dagang yang berhenti dan duduk bernaung didalamnya samada bagi sementara atau dengan berlanjutan masanya yakni dengan tiada sedikit jua pun melebihi akan timbang rasa atau pandangan atau cenderung kepada pihak-pihak yang beragama akan agama negeri yaitu Islam atau memperbezakan rakyat negeri dengan yang bukan rakyat negeri.⁴⁶

Pengaruh Islam Terhadap Peruntukan Yang Berkaitan Dengan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor

UTKJ menjelaskan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor adalah berfungsi sebagai badan perundangan yang dianggap sebagai timbalan am kepada kerajaan.⁴⁷ Ini bermakna fungsi utama badan tersebut ialah membantu raja dan Jemaah Menteri dalam urusan mentadbir negeri dan menguruskan rakyat. Di antara peranan utama majlis Mesyuarat Kerajaan ialah menggubal undang-undang bagi negeri Johor. Di samping itu badan itu juga berkuasa meminda undang-undang yang ada, membetulkan apa-apa kesilapan dalam undang-undang atau melakukan berbagai-bagai penambahan dalam undang-undang tersebut. *UTKJ* menjelaskan bahawa ahli majlis Mesyuarat Kerajaan ada hak untuk berbuat demikian kecuali bagi undang-undang yang ada kaitan dengan agama dan hukum syarak. *UTKJ* menjelaskan:

⁴⁶ Fasal 58, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

⁴⁷ Fasal 45, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

Adapun pekerjaan-pekerjaan Mesyuarat kerajaan itu yaitu terutamanya membantu akan raja dan Jemaah Menteri dalam hal-hal mentadbirkan negeri dan rakyat yaitu seperti membuat dan menjadikan membetul dan menambah atau meminda akan undang-undang dan aturan daripada segala jenis dan rupa melainkan undang-undang agama dan hukum syarak.⁴⁸

Peruntukan di atas dengan jelas menyatakan undang-undang negeri boleh dipinda, tetapi undang-undang agama yang ada kaitannya dengan hukum syarak tidak boleh dipinda sama sekali. Peruntukan ini dilihat sebagai bersesuaian dengan kehendak Islam.

Selain itu Mesyuarat Kerajaan juga berfungsi sebagai sebuah badan yang memikirkan hal-hal pembukaan dan mengimarahkan negeri, memajukan sektor perniagaan, mempertingkatkan taraf hidup rakyat, memberikan pelbagai cadangan untuk mengekalkan keamanan dalam negeri Johor, mengadakan perdamaian dan membina hubungan baik dengan kerajaan-kerajaan asing.⁴⁹

Oleh kerana terpengaruh dengan nilai-nilai Islam UTKJ menamakan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor pada masa itu sebagai *Ahl al-Hal Wa al-'Aqd*. Mengikut pandangan al-Māwardī *Ahl al-Hal Wa al-'Aqd* ialah suatu kumpulan yang dilantik oleh rakyat berpandukan asas-asas syari'ah Islam, yang bertanggungjawab menentukan pemimpin bagi sesebuah negara. Mereka adalah terdiri dari orang-orang yang adil, berilmu, cerdik dan bijak.⁵⁰ UTKJ juga menjelaskan peranan *Ahl al-Hal Wa al-'Aqd* ialah sebagai ahli majlis perundangan yang berkeelayakan dan boleh mengemukakan pandangan dalam urusan pemilihan dan pelantikan raja. Peranan mereka juga adalah mewakili keseluruhan rakyat dan penduduk negeri Johor dalam membuat pelbagai keputusan. Mereka

⁴⁸ Fasal 49, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

⁴⁹ Fasal 49, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

⁵⁰ Al-Māwardī, Abū al-Ḥasan 'Alī Ibn Muḥammad Ibn Ḥabīb al-Baṣrī al-Baghdādī (t.t), *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah Wa al-Wilāyah al-Dīniyyah*, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 6.

merupakan sekumpulan orang yang menerima amanah untuk membuat keputusan bagi sesuatu perkara yang besar dan penting. Perkara ini diperuntukkan seperti berikut:

*“Jemaah Pangkuan Negeri ... ialah yang dikatakan dalam hukum Syara’ ‘Ahl al-Ḥal Wa al-‘Aqd’”, yakni orang-orang yang layak dan boleh bersuara dalam pekerjaan memilih raja dan melantik dan menjadikan raja dan dalam perkara besar-besar yang menghendaki apa yang dikatakan fikiran dan timbangan orang ramai atau isi negeri”.*⁵¹

Berdasarkan pandangan al-Māwardī dan peruntukan yang terdapat dalam *UTKJ* itu dapatlah difahami bahawa istilah *ahl al-ḥal wa al-‘aqd* yang digunakan dalam undang-undang tersebut ada persamaan maksud iaitu peranan mereka ialah melantik raja, para pemimpin dan menggubal undang-undang. Pandangan al-Māwardī selaras dengan pendapat Abū Ya‘lā di mana beliau menegaskan bahawa *ahl al-ḥal wa al-‘aqd* adalah orang-orang yang mempunyai kuasa untuk melantik ketua negara. Begitu juga segala keputusan yang telah dibuat oleh *ahl al-ḥal wa al-‘aqd* wajib diikuti oleh semua rakyat kerana ia menjadi suatu ketetapan yang tidak boleh diengkar oleh sesiapa pun.⁵² *UTKJ* juga menjelaskan selain dari gelaran *Ahl al-Ḥal Wa al-‘Aqd* ahli majlis perundangan juga digelar suatu istilah lain iaitu Jemaah Pangkuan negeri. *UTKJ* menganggap Jemaah Pangkuan Negeri itu statusnya sama dengan *Ahl al-Ḥal Wa al-‘Aqd* diistilahkan dalam hukum Syara’.⁵³

UTKJ juga menjelaskan bahawa semangat bermesyuarat sentiasa berlaku dalam kerajaan negeri Johor pada masa itu. Bagi memastikan sesuatu tidakan itu wajar dilaksanakan baginda sultan Johor sentiasa

⁵¹ “Makna Bagi Perkataan-perkataan”. Lihat *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895, op. cit.*, hh. 3-4.

⁵² Abū Ya‘lā, Muḥammad Ibn al-Husaynī al-Farrā’ (1966), *al-Aḥkām al-Sultāniyyah*, c. 2, Kaherah: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī Wa Awlāduh, h. 26.

⁵³ Dalam *UTKJ* dijelaskan bahawa Jemaah Pangkuan Negeri ialah ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan daripada dua pangkat, iaitu menteri-menteri dan ketua-ketua.

bermesyuarat dan menerima nasihat, persetujuan serta perkenan dari semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Buktinya dalam *UTKJ* Baginda Sultan ada menjelaskan:

“Dan bahawa adalah pula orang-orang besar dan ketua-ketua kerajaan kita, dengan nama, dan bagi, dan kerana pihak dirinya sendiri, dan bagi, dan kerana ganti-gantinya masing-masing serta sekelian isi negeri dan rakyat kerajaan kita, demikian juga suka, redha, sedia dan taat pada berserta dengan, dan mengikut akan kita dalam maksud dan kehendak kita yang demikian...”⁵⁴

Kenyataan di atas membuktikan bahawa Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor pada masa itu melibatkan Sultan Johor (Sultan Abu Bakar) bersama-sama dengan ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor yang lain yang digelar sebagai Jemaah Pangkuan negeri atau *ahl al-ḥal wa al-‘aqd*.

Pengaruh Islam Terhadap Peruntukan Yang Berkaitan Dengan Raja Johor

Kajian ini mendapati sebahagian dari undang-undang yang berkaitan dengan institusi Raja Johor pada masa itu telah dipengaruhi oleh ajaran Islam. Raja yang dimaksudkan oleh *UTKJ* ialah Sultan Yang Dipertuan Johor, iaitu Raja yang memerintah kerajaan negeri Johor, segala jajahan dan daerah takluknya.⁵⁵ Yang dikatakan Raja itu termasuklah Raja yang sedang memerintah, yang telah memerintah dan yang sudah mangkat.⁵⁶ Mengikut *UTKJ*, raja yang memerintah kerajaan negeri Johor dan segala jajahannya hendaklah dilantik dari kalangan seorang lelaki yang beragama Islam. Begitu juga raja-raja yang akan mewarisi takhta pada masa akan

⁵⁴ “*Kenyataan*” oleh Sultan Abu Bakar. Lihat *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*, h. 2.

⁵⁵ “*Makna Bagi Perkataan-perkataan*”. Lihat *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*, *op. cit.*, h. 3.

⁵⁶ Fasal 26, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

datang mestilah beragama Islam. Fasal 2 *UTKJ* menjelaskan:

Raja itu hendaklah daripada bangsa Melayu dan darah raja yang keturunan daripada pemerintah-pemerintah Johor dan lelaki dan beragama Islam dan demikian juga pihak-pihak yang dikatakan "warith" dan "warith yang kedua" dan "warith yang lain".⁵⁷

Berdasarkan peruntukan di atas, Raja Johor hendaklah dilantik dari kalangan seorang lelaki yang beragama Islam. Selain dari syarat mesti beragama Islam, raja juga hendaklah berbangsa Melayu dan berdarah raja iaitu berasal dari keturunan raja dan pemerintah-pemerintah Johor yang terdahulu. Oleh itu kajian ini mendapati selain dari pengaruh Islam peruntukan yang ada juga telah terpengaruh dengan undang-undang adat di mana Raja Johor yang akan datang mestilah dilantik dari keturunan yang ada sekarang sahaja. Amalan sedemikian merupakan amalan tradisi yang diamalkan secara turun temurun sejak dahulu sampai sekarang. Ia bukannya suatu amalan yang bersumberkan ajaran Islam tetapi lebih merupakan undang-undang adat atau amalan tradisional yang telah dimasukkan ke dalam *UTKJ*.

UTKJ juga telah menyenaraikan beberapa sifat kekurangan yang menyebabkan seseorang itu dikira tidak layak untuk dilantik menjadi raja. Seseorang tidak layak dan tidak boleh dilantik sebagai Raja jika sekiranya dia mempunyai sesuatu cacat yang besar dan berat yang tidak melayakkan dia menjadi Raja seperti gila, buta, bisu atau mempunyai sesuatu sifat yang keji yang kerananya ia tidak diluluskan oleh hukum syarak menjadi seorang Raja pemerintah. Syarat-syarat ini bersesuaian dengan konsep Islam di mana seseorang yang mempunyai kecacatan yang besar seperti gila, buta, bisu, buruk akhlak dan lain-lain tidak layak untuk dilantik sebagai pemimpin. Perkara ini dijelaskan dalam fasal 3 *UTKJ*:

⁵⁷ Fasal 2, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

... tiada layak dijadikan raja yaitu yang ada kecacatan yang besar-besar dan berat-berat yang menyalahi sifat raja-raja seperti gila dan buta dan bisu atau mempunyai sifat-sifat yang keji yang tiada dibenarkan oleh hukum syariah menjadi raja.⁵⁸

Peruntukan di atas menjelaskan beberapa kriteria yang menyebabkan seseorang itu tidak layak untuk dilantik sebagai raja. Antara kriteria yang dijelaskan ialah jika terdapat kecacatan yang besar dan berat yang tidak layak bagi seorang raja seperti gila, buta dan bisu atau calon raja itu mempunyai sifat-sifat buruk yang bertentangan dengan hukum syariah Islam. Peruntukan di atas dengan sendiri memberi maksud amalan pelantikan raja secara warisan atau berasaskan zuriat keturunan raja boleh ditinggalkan (boleh tidak diamalkan) jika sekiranya Jemaah Pangkuan Kerajaan atau *Ahl al-Hal Wa al-'Aqd* berpendapat bakal pewaris takhta kerajaan Johor tidak layak dilantik sebagai raja kerana mempunyai pelbagai kecacatan yang besar sebagaimana yang dijelaskan. Seterusnya fasal 5 UTKJ menjelaskan:

Sekiranya sampai pada suatu masa tiada seorang pun tinggal lagi daripada ketiga-tiga zuriat-zuriat pemerintah-pemerintah yang tersebut dalam fasal-fasal yang lalu itu atau jika ada pun tiada yang mempunyai sifat-sifat seperti yang diwajibkan oleh undang-undang ini dan hukum syarak akan terpulanglah hal memilih, melantik dan menjadikan raja itu kepada maklum dan fikiran dan timbangan Mesyuarat Kerajaan bersama-sama dengan Jemaah Pangkuan negeri atau ahli al-Halli Wa al-'Aqd. Akan tetapi adalah dipersyaratkan hendaklah yang diambil, dipilih, dilantik dan dijadikan raja itu seorang laki-laki yang cukup umur dan sempurna akal daripada bangsa Melayu Johor betul dan rakyat kerajaan Johor serta beragama Islam dan ahli daripada darah yang merdheka dan baik dan yang diaku

⁵⁸ Fasal 3, Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895.

sah dan halal dengan ada pula pengetahuannya , boleh membaca dan menulis bahasanya. Dan ada mempunyai nama budi pekerti tabiat, perangai dan tingkah laku yang baik dan kepujian. Maka jikalau yang diambil, dipilih, dilantik dan dijadikan raja itu seorang yang bukan daripada darah raja akan termaklumlah hal yang demikian menjadi suatu kecualian atas undang-undang yang tersebut dalam fasal yang kedua dan sahlah adanya.⁵⁹

Peruntukan undang-undang di atas bermaksud sekiranya tidak ada seorang pun bakal raja yang layak dilantik berasaskan keturunan urusan pelantikan raja baru terserahlah kepada anggota Mesyuarat Kerajaan bersama-sama dengan Jemaah Pangkuan negeri atau *ahl al-hal wa al-'aqd*. Terdapat beberapa syarat yang dikenakan dalam pelantikan raja yang baru. Di antara syaratnya ialah bakal raja yang akan dilantik itu hendaklah seorang lelaki, beragama Islam, bangsa Melayu, rakyat negeri Johor, cukup umur, sempurna akal dan seorang yang merdeka bukannya hamba, seorang yang baik tingkah laku dan budipekertinya. Bakal raja mestilah seorang yang berilmu pengetahuan yang pandai menulis dan membaca.⁶⁰

Kajian ini mendapati *UTKJ* masih memberi ruang kepada seseorang yang bukan keturunan Raja dilantik memegang takhta sebagai Raja. Kebenaran sedemikian diberikan jika tidak ada langsung pewaris tahta yang layak dilantik berasaskan keturunan. Dalam keadaan sedemikian orang biasa yang bukan keturunan Raja yang akan dilantik itu mestilah memenuhi beberapa syarat yang bersesuaian dengan kaedah hukum Islam. Sekurang-kurangnya orang tersebut mestilah seorang lelaki yang cukup umur, sempurna akal, tidak ada apa-apa kecacatan yang besar, beragama Islam, berbangsa Melayu dan merupakan rakyat kepada Raja negeri Johor. Dia mestilah dari keturunan yang baik dan diakui telah diperanakkan dengan jalan yang halal, mampu membaca dan menulis dengan sendiri, serta mestilah mempunyai tingkah laku yang baik dan terpuji. Peruntukan ini nampaknya banyak terpengaruh dengan syarat-syarat pelantikan ketua negara mengikut perspektif Islam. Peruntukan-peruntukan sedemikian

⁵⁹ Fasal 5, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

⁶⁰ Fasal 5, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

terdapat di dalam perlembagaan negeri Johor yang membuktikan bahawa ajaran Islam telah mempengaruhi perlembagaan tersebut.

Sebelum adanya *UTKJ* golongan raja bebas melakukan apa-apa sahaja yang difikirkan baik dan elok pada pandangan mereka. Semua kata-kata dan kehendak raja menjadi suatu perintah yang mesti dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Tetapi setelah tergubalnya *UTKJ* kedudukan raja tidak lagi bebas untuk melakukan semua perkara. Tindakan mereka terikat dengan perlembagaan negeri. Contohnya dalam fasal lima belas *UTKJ* terdapat beberapa larangan yang dikenakan ke atas raja. Fasal tersebut menjelaskan, mana-mana raja yang memerintah Johor dilarang sama sekali menyerahkan atau membuat sebarang perjanjian atau berikhtiar untuk menyerahkan negeri atau sesuatu bahagian daripada negeri dan kerajaan Johor itu kepada sebarang kerajaan seperti kerajaan British atau lain-lain kerajaan. Dengan apa alasan sekalipun, penyerahan atau perjanjian untuk menyerahkannya tidak boleh dibuat sama sekali. Tidak kira samada pada fikirannya baginda rasa susah atau keberatan untuk menjadi raja atau kerana baginda sultan tidak suka memerintah negeri. Tindakan tersebut juga tidak boleh dibuat dengan sebab ingin mendapat, mengambil dan menerima sebarang bayaran atau pencen daripada bangsa atau kerajaan lain. Larangan dan tegahan ini dikenakan kepada semua raja dan waris serta kerabat raja.⁶¹

Sekiranya raja melanggar peraturan ini maka dia dikira sebagai orang yang berdosa dan memecahkan amanah yang diserahkan oleh Tuhan kepadanya. Jika sekiranya raja sudah melakukan perbuatan pecah amanah, rakyat tidak lagi wajib memberikan taat setia kepada raja tersebut. Jika sekiranya pecah amanah itu dilakukan pula oleh kerabat raja maka perbuatannya itu adalah dianggap telah menderhaka kepada raja dan kerajaan. Mereka patut dikenakan hukuman yang setimpal dengan kesalahannya.⁶² Peruntukan ini membuktikan status perlembagaan berada pada tahap yang lebih tinggi berbanding dengan kuasa raja. Banyak tindakan raja telah dibatasi oleh *UTKJ*. Oleh itu selepas tergubalnya *UTKJ* konsep *Raja Mutlak* atau *Raja Berdaulat* berasaskan nilai-nilai tradisi yang

⁶¹ Fasal 15, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

⁶² *Ibid.*

diamalkan secara meluas di Tanah Melayu pada zaman dahulu sudah tidak diamalkan lagi di Malaysia hari ini. Ianya telah bertukar kepada sistem *Raja Berpelembagaan* bukan lagi *Raja mutlak*.

Pengaruh Islam Terhadap Peruntukan Yang Berkaitan Dengan Menteri Dan Jemaah Menteri

Yang dimaksudkan dengan menteri ialah ahli-ahli mesyuarat kerajaan yang ada menjabat dan menanggung pekerjaan negeri dan yang berada dalam Jemaah Menteri.⁶³ Mereka biasanya dilantik dari kalangan pegawai-pegawai besar kerajaan dan dia akan menjadi ahli Mesyuarat Kerajaan Johor. Seseorang pegawai yang akan dilantik menjadi menteri hendaklah mendapat titah perintah dari raja yang menyebut dan menerangkan yang beliau telah dilantik oleh raja. Perintah tersebut boleh mengesahkan bahawa beliau telah dilantik serta mempunyai hak, tanggungjawab dan kedudukan tertentu.⁶⁴

UTKJ menjelaskan menteri-menteri yang hendak dilantik itu mestilah dari kalangan bangsa Melayu, rakyat negeri Johor, beragama Islam⁶⁵ dan dilantik oleh sultan. Mana-mana pelantikan yang tidak mengikut peraturan ini adalah dikira tidak sah. Sekiranya dilantik menteri yang bukan dari bangsa, rakyat dan agama sebagaimana yang dijelaskan, pelantikan tersebut adalah dikira tidak sah walau pun ianya telah dilantik sebelumnya. Fasal 30 *UTKJ* menjelaskan:

*Hendaklah Menteri-menteri itu daripada bangsa
Melayu dan rakyat Johor dan beragama Islam*⁶⁶

Mengikut *UTKJ* menteri-menteri mempunyai tugas yang besar iaitu sebagai pembantu kepada sultan. *UTKJ* memperuntukan agar raja hendaklah menerima nasihat dan segala pandangan yang dikemukakan oleh para menteri khususnya bagi perkara-perkara yang ada hubungannya

⁶³ "Makna Bagi Perkataan-perkataan". Lihat *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895, op. cit.*, h. 3.

⁶⁴ Fasal 28, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

⁶⁵ Fasal 30, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

⁶⁶ Fasal 30, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

dengan kepentingan negeri dan rakyat.⁶⁷ Apa yang diperolehi dari kajian ini ialah mengikut *UTKJ* Menteri Besar dan Jemaah Menteri yang ada pada zaman itu telah terlibat secara langsung sebagai Ahli Majlis perundangan negeri Johor. Terdapat beberapa peruntukan undang-undang yang menegaskan bahawa peranan utama Menteri besar dan Jemaah Menteri adalah sebagai pembantu kepada Raja yang sedang memerintah. *UTKJ* juga memperuntukan agar raja hendaklah menerima nasihat dan segala pandangan yang dikemukakan oleh para menteri khususnya bagi perkara-perkara yang ada hubungannya dengan kepentingan negeri dan rakyat.⁶⁸

Semua menteri-menteri di negeri Johor pada masa itu dianggap sebagai anggota Jemaah Menteri⁶⁹ dan pada masa yang sama juga mereka adalah sebagai ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan. Majlis Mesyuarat Kerajaan pula mengambil peranan sebagai sebuah badan perundangan rasmi. Oleh itu tidak syak lagi semua menteri-menteri, termasuk Menteri Besar Johor adalah tergolong dalam kalangan ahli majlis perundangan yang rasmi bagi negeri Johor. Namun demikian apabila diteliti, syarat perantukan menteri-menteri mengikut *UTKJ* tidaklah sampai ketahap syarat-syarat yang mesti ada pada seseorang *Wazir al-Tafwid* atau *Wazir al-Tanfidi* sebagaimana yang dihuraikan oleh al-Mawardi dan Abu Ya'la dalam bukunya *al-Ahkam al-Sultaniyyah*.⁷⁰ Cuma Menteri-menteri yang hendak dilantik itu disyaratkan seorang yang berbangsa Melayu, rakyat negeri Johor, beragama Islam⁷¹ dan dilantik oleh Baginda sultan.⁷²

Oleh itu kajian ini mendapati walaupun *UTKJ* tidak mewajibkan status kedudukan Menteri Besar dan Jemaah Menteri itu setaraf dengan kedudukan *Wazir al-Tafwid* atau *Wazir al-Tanfidi* dalam Islam, namun demikian *UTKJ* telah berjaya menetapkan peraturan bahawa semua menteri hendaklah beragama Islam dan beramal dengan nilai-nilai Islam. Apa yang penting ialah usaha murni telahpun dilakukan pada masa itu, iaitu

⁶⁷ Ahmad Ibrahim (1979), *The Position Of Islam In the Constitution Of Malaysia*, h. 42.

⁶⁸ *Ibid*.

⁶⁹ Lihat makna bagi perkataan-perkataan yang terdapat dalam *Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Johor*.

⁷⁰ Lihat Abū Ya'la, *al-Ahkām al-Sultāniyyah*, h 32.

⁷¹ Fasal 30, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

⁷² Ahmad Ibrahim (1979), *The Position Of Islam In the Constitution Of Malaysia*, h.42.

mereka berikhtiar untuk mengamalkan sistem bermesyuarat (*al-syūrā*) dan telah menonjolkan konsep *ahl al-ḥal wa al-‘aqd* supaya diamalkan di negeri Johor. Usaha murni ini sudah tentu boleh dijadikan tauladan kepada jenerasi kini dan akan datang.

Institusi khusus yang hanya dianggotai oleh menteri-menteri dinamakan Jemaah Menteri. Jemaah Menteri ialah satu Kumpulan yang terdiri dari menteri-menteri yang berfungsi sebagai ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan yang ada menjabat dan menanggung pekerjaan negeri.⁷³ Tugas utama Jemaah Menteri ialah menjadi penolong-penolong dan timbalan-timbalan yang khas kepada Raja. Oleh itu raja sepatutnya menerima segala nasihat dan cadangan yang dikemukakan oleh Jemaah Menteri, khususnya bagi perkara-perkara yang ada kaitannya dengan negeri dan rakyat. Demikian juga setiap orang Menteri itu sepatutnya mengadakan perbincangan dan bertukar-tukar fikiran dengan Menteri-menteri yang lain untuk menyelesaikan berbagai-bagai perkara, terutamanya perkara-perkara penting dalam pemerintahan negeri. Walaupun demikian seseorang Menteri itu secara peribadi bertanggungjawab terhadap tugas dan fungsinya masing-masing.⁷⁴

UTKJ juga menjelaskan dengan sebab-sebab tertentu seseorang menteri boleh dipecat. Orang yang mempunyai kuasa untuk memecat seseorang menteri ialah raja. Jemaah Menteri juga boleh memohon kepada raja untuk memecat salah seorang dari rakannya dari jawatannya dan juga dari jawatan Jemaah Menteri jika menteri tersebut melakukan kesalahan yang berat dosanya mengikut hukum syarak atau mengikut undang-undang negeri atau pada timbangan istiadat kehormatan. Di antara contoh-contoh kesalahan tersebut ialah seperti menderhaka atau cuba hendak menderhaka kepada raja atau kerajaan.⁷⁵ Demikian juga seseorang Menteri boleh dipecat kerana kesalahan-kesalahan lain seperti membunuh orang, merompak, menyamun atau rasuah. Selain dari dipecat suatu hukuman lain yang munasabah boleh juga dikenakan ke atas Menteri yang dipecat itu. Fasal 40 *UTKJ* menjelaskan:

⁷³ Lihat Makna bagi perkataan-perkataan, h. 3. *UTKJ*

⁷⁴ Fasal 42, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

⁷⁵ Fasal 40, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.

Adalah hak dan kuat kuasa bagi raja boleh melepas dan mengeluarkan seseorang menteri daripada jawatannya ...jikalau menteri yang demikian itu telah berbuat sesuatu kesalahan yang berat dosanya pada hukum syariah atau pada undang-undang negeri atau pada timbangan istiadat kehormatan dan yang telah didapati dengan cukup siyasah telah terang dan thabit ia berdosa yaitu seperti menderhaka atau mencuba hendak menderhaka kepada raja atau kerajaan atau membunuh atau menyuruh atau berserta pada mencuba atau bersyubhat membunuh orang atau merompak, menyamun atau mencuba berbuat sesuatu daripada itu atau makan suap atau mencuba hendak makan suap atau sesuatu lain perbuatan yang jahat dan berdosa pada hukum Allah dan hukum negeri.⁷⁶

Alasan yang dikemukakan bagi mengharuskan raja memecat menteri dalam peruntukan *UTKJ* itu adalah selaras dan bersesuaian dengan tuntutan Islam.

Kesimpulan

UTKJ atau Perlembagaan Johor 1895 menjadikan Johor negeri Melayu yang pertama mempunyai perlembagaan bertulis. Para sarjana undang-undang telah mengakui bahawa penggubalan *UTKJ* banyak dipengaruhi oleh nilai-nilai Islam terutama telah terpengaruh dengan kitab-kitab agama dari Riau seperti kitab *al-Thamarah al-Muhimmah* karangan Raja Ali Haji. Orang yang terlibat menggubal perlembagaan tersebut ialah Baginda Sultan Johor dan para pembesar negeri Johor. Apa yang menarik ialah kesemua 18 orang ahli Mesyuarat Kerajaan yang terlibat dalam penggubalan perlembagaan tersebut adalah beragama Islam. Hal tersebut banyak membantu penerapan nilai-nilai Islam dalam perlembagaan tersebut. Buktinya *UTKJ* mengakui bahawa Islam adalah agama rasmi bagi negeri Johor, dan kedudukannya sebagai agama rasmi

⁷⁶ *Ibid.*

mestilah berterusan untuk selama-lamanya.⁷⁷

Terdapat banyak nilai-nilai Islam yang dimasukkan secara tersurat dan tersirat dalam peruntukan *UTKJ*. Antaranya perlembagaan tersebut telah menamakan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor pada masa itu sebagai *Ahl al-Ḥal Wa al-'Aqd* iaitu suatu istilah yang biasa digunakan dalam siasah syar'iyah. Selain itu terdapat undang-undang yang berkaitan dengan raja seperti hukum melantik raja, sifat-sifat baik yang seharusnya ada pada diri raja, sebab-sebab raja boleh dilucutkan dari jawatannya, raja-raja terikat dengan undang-undang dan lain-lain. Begitu juga undang-undang yang berkaitan dengan pelantikan menteri-menteri dan Jemaah Menteri, di mana dimasukkan syarat-syarat pelantikan dan pelucutan jawatan tersebut yang selaras dengan kehendak syariah Islam. Kesimpulannya, nilai-nilai baik dari ajaran Islam telah banyak mempengaruhi penggubalan *UTKJ*.

⁷⁷ Lihat fasal 57, *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*.